

ANALISIS MAKSUD ISTILAH *AL-HIND* DALAM KITAB *MU'JAM AL-BULDĀN* OLEH *YĀQUT AL-ḤAMAWĪ*: KAJIAN TERHADAP HURUF *AL-SĪN* HINGGA *AL-ṢĀD*

IDENTIFICATION OF AL-HIND BASED ON MU'JAM ALJU-BULDAN BY YAQUT AL-HAMAWI: A STUDY OF THE LETTERS OF AL-SIN TO AL-SAD

Rusni Mohamad*

Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris
53900 UPSI, Tanjong Malim, Perak

Thuraya Ahmad

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

**Corresponding author: rusni@fsk.upsi.edu.my*

Article History:

Received : 14 January 2025

Accepted : 19 March 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Mohamad, R. & Ahmad, T. (2025). Analisis Maksud Istilah *Al-Hind* Dalam Kitab *Mu'Jam Al-Buldān* Oleh *Yāqut Al-Ḥamawī*: Kajian Terhadap Huruf *Al-Sīn* Hingga *Al-Ṣād*. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 15-27.

ABSTRAK

al-Hind merupakan istilah Arab yang merujuk kepada nama tempat yang sering disebut dalam teks Arab. Sebagaimana banyak penulisan kontemporari yang membincangkan tentang keistimewaan *al-Hind* berdasarkan teks Arab sebagai kehebatan yang dicapai oleh Tamadun India dengan merujuk istilah tersebut semata-mata boleh menimbulkan salah faham. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengemukakan maksud istilah *al-Hind* dengan memberi fokus kepada bahagian huruf *al-Sīn* hingga *al-Ṣād* berdasarkan kitab *Mu'jam al-Buldān* oleh *Yāqut al-Ḥamawī*. Pengumpulan data dilakukan dengan menjalankan kajian kepustakaan dengan menggunakan sumber induk iaitu kitab *Mu'jam al-Buldān* serta sumber-sumber lain yang berkaitan untuk perbincangan secara komprehensif. Kajian bermula dengan mengeluarkan nama-nama lokasi yang diklasifikasikan terletak dalam rantau *al-Hind* daripada senarai bahagian *al-Sīn* hingga *al-Ṣād* dan diikuti dengan mengumpul maklumat latar belakang bagi setiap lokasi. Seterusnya, pendekatan analisis kandungan dipilih bagi mengolah data yang dikumpul. Hasilnya, kajian ini dapat mengenalpasti 10 nama tempat yang termasuk dalam rantau *al-*

Hind; yang mana 7 daripadanya terletak di Asia Selatan, 3 di Semenanjung Tanah Melayu dan 1 di Indo-China. Analisis maksud *al-Hind* atau penamaan rantau India pada masyarakat Arab dahulu kala didapati meliputi Asia Selatan, Kepulauan Melayu dan Indo-China. Sehubungan dengan itu, kajian berpandangan bahawa adalah tidak wajar menganggap mana-mana karakteristik *al-Hind* dalam kitab klasik Arab hanya merujuk kepada Subbenua India tanpa penelitian terlebih dahulu. Walhal, maklumat terperinci boleh didapati dalam kitab-kitab klasik Arab yang ternyata sangat berguna untuk mendapat gambaran yang holistik tentang istilah tersebut.

Kata kunci: *al-Hind*, *Mu'jam al-Buldān*, identifikasi istilah, *al-Sīn* hingga *al-Šād*

ABSTRACT

al-Hind is an Arabic term referring to a place name that is often mentioned in Arabic texts. As many contemporary writings discuss the specialty of *al-Hind* based on Arabic texts as a greatness achieved by Indian Civilization by referring to the term alone may lead to misunderstanding. Thus, this study aims to bring out the meaning of the term *al-Hind* by focusing on the letters *al-Sīn* to *al-Šād* based on the book *Mu'jam al-Buldān* by Yāqūt al-Ḥamawī. Data collection is done by conducting a literature study using the main source, namely the book *Mu'jam al-Buldān* as well as other related sources for a comprehensive discussion. The study began by extracting the names of the classified locations located in the *al-Hind* region from the list of the parts of *al-Sīn* to *al-Šād* and followed by collecting background information for each location. Subsequently, a content analysis approach was chosen to process the collected data. As a result, the study was able to identify 10 place names belonging to the *al-Hind* region; of which 7 are located in South Asia, 3 in the Malay Peninsula and 1 in Indo-China. The analysis of the meaning of *al-Hind* or the naming of the Indian region in ancient Arab societies is found to include South Asia, the Malay Archipelago and Indo-China. In this regard, the study is of the view that it is unreasonable to assume that any characteristic of *al-Hind* in the Arabic classics refers only to the Indian Subcontinent without prior research. However, detailed information can be found in the Arabic classics which turns out to be very useful to get a holistic picture of the term.

Keywords: *al-Hind*, *Mu'jam al-Bulda*, identification, *al-Sin* to *al-Sad*

1.0 PENGENALAN

Catatan tentang kebudayaan persekitaran tentang bangsa Arab menjadi satu warisan bagi bangsa tersebut termasuklah hubungan mereka dengan masyarakat luar turut dicatatkan. Antara masyarakat luar yang sering dinyatakan dalam catatan mereka adalah *al-Hind*. Istilah ini banyak disebutkan dalam syair, kitab-kitab hadith, buku-buku klasik Arab tentang hubungan mereka dengan bangsa luar sejak zaman jahiliah hingga zaman Islam. Antara karya yang popular mencatatkan serta membincangkan

tentang istilah tersebut adalah kitab *Mu'jam al-Buldān* oleh Yāqūt al-Ḥamawī yang menjadi fokus kajian ini.

Kajian tentang kebudayaan Arab serta tamadun Islam silam sentiasa mendapat perhatian daripada pengkaji kontemporari. Antaranya adalah *al-Diyānat al-Brahmiyyah fī Bilād al-Hind fī kitāb al-riḥlāt wa al-Jughrāfiyyah min al-Qarn al-Thālith al-Hijri ḥattā Nihāyat al-Qarn al-Thāmin al-Hijrī* oleh Aḥmed Nashmi Jiyād. Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian ini menumpukan perbincangan tentang sejarah ajaran Brahmi berdasarkan teks-teks klasik Arab iaitu catatan pelayaran dan perdagangan Arab serta karya geografi Arab. Penglibatan karya-karya tersebut kerana merupakan sumber Arab klasik yang mencatatkan perihal kehidupan masyarakat di rantau *al-Hind* yang meliputi aspek sosiobudaya, sosioekonomi, sosiopolitik dan kehidupan beragama khususnya ajaran Brahmin.

Oleh yang demikian, pendekatan analisis tersebut menjadi jurang perbezaan dengan kajian ini yang menganalisis kawasan-kawasan yang dirangkumkan dalam lingkungan *al-Hind* oleh masyarakat Arab silam untuk meneliti kedudukan geografi pada masa kini berdasarkan peta moden tanpa memfokuskan perbincangan tentang agama atau anutan ideologi masyarakat setempat. Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat beberapa lokasi diperkenalkan sebagai wilayah-wilayah dalam lingkungan *al-Hind* bersama komoditi tempatan berdasarkan karya pelayaran dan geografi Arab namun tidak dinyatakan nama moden pada masa kini. Hal yang demikian yang menjadi jurang pemfokusan perbincangan dengan pemfokusan kajian ini.

Manakala sebuah artikel panjang yang membahaskan tentang hubungan lingkungan *al-Hind* dengan wilayah luar yang bertajuk *al-Hind kamā yaṣifuhā "Akhbar al-Ṣind wa al-Hind"* oleh Arent Zeb al-ʿAzamī (2016). Artikel ini menganalisis catatan dua orang pelayar Arab ke *al-Hind* dan China iaitu Sulaymān al-Tājir dan al-Sīrāfi daripada aspek latar belakang penulis catatan tersebut dan teks, lingkungan geografi *al-Hind*, kerajaan pemerintahan, sosiobudaya, sosioekonomi, sosiopolitik dan beberapa aspek lain. Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian ini tidak memfokuskan perbincangan tentang had dan sempadan kawasan-kawasan yang dirangkumkan dalam lingkungan *al-Hind* menurut kedua-dua pelayar tersebut justeru ia menjadi jurang perbezaan dari aspek pemfokusan kajian ini yang meneliti lokasi-lokasi yang dikaitkan dengan *al-Hind* menurut masyarakat Arab silam.

Kedua-dua kajian yang dinyatakan mewakili kajian-kajian kontemporari lain yang mengkaji tentang hubungan bangsa Arab dengan *al-Hind* mahupun demikian tidak melibatkan penjelasan secara spesifik terhadap kawasan lingkungan geografi yang dikaitkan dengan istilah *al-Hind* menurut bangsa Arab silam. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memaparkan maksud istilah *al-Hind* menurut masyarakat Arab silam dengan memberi tumpuan kepada bahagian huruf *al-Sin* hingga *al-Ṣād* berdasarkan *Mu'jam al-Buldān* dan kemudiannya menjelaskan kedudukan sesuatu kawasan berdasarkan nama moden pada masa kini berdasarkan penentuan di atas peta. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja dapat mengenali kawasan-kawasan tersebut namun dapat diketahui kedudukannya pada masa kini.

Mu'jam al-Buldān adalah kitab klasik Arab yang dihasilkan oleh Yāqūt al-Ḥamawī atau nama sebenarnya Yāqūt ibn ʿAbd Allah al-Rūmī yang dilahirkan pada tahun 575M/626H. Gelaran *al-Rūmī* merujuk kepada bangsanya iaitu Rom manakala *al-Ḥamawī* merujuk kepada bandar beliau dilahirkan iaitu Hama, Syria. Pada asalnya, beliau seorang hamba kepada saudagar *Abū Manṣūr al-Jīlī* dan berpeluang

mendapat pendidikan dan menyertai pengajian etika sehingga berjaya menjadi hafiz al-Quran serta penyair. Beliau banyak mengembara dan mengunjungi perpustakaan serta aktif melakukan penyalinan buku. Tokoh ini meninggal dunia pada tahun 622H/1229M (Ibn Khalikān, 1900). Karya ini merupakan ensiklopedia geografi Arab terbesar dan paling lengkap serta menjadi rujukan pada peringkat global dalam meneliti dan mengkaji kedudukan geografi sesuatu tempat dan wilayah dalam tamadun Islam.

Kitab tersebut terkenal kerana mengandungi maklumat yang lengkap meliputi kedudukan geografi, sosioekonomi, sosiobudaya dan sosiopolitik masyarakat Islam di negara-negara dalam lingkungan Timur Tengah, India dan subbenuanya, China dan Eropah menurut pandangan masyarakat Arab silam. Selain itu, karya tersebut mengandungi informasi-informasi penting termasuk maklumat etnografi, antropologi, ilmu alam, arkeologi, sosiobudaya, ekonomi serta koordinat bagi setiap kawasan yang dibincangkan. Menariknya, karya tersebut turut memuatkan nama bagi setiap kawasan menurut dialek orang-orang Arab awam dan elit untuk memudahkan membaca mengenali sesuatu kawasan yang dibincangkan (Krachkovshi, T.t; al-Mundhirī, 1984 & Raqiyyah, 2011).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Fokus kajian ini adalah mengidentifikasi maksud istilah *al-Hind* menurut masyarakat Arab silam. Bagi pengumpulan data tentang topik tersebut, penulis menggunakan pendekatan kajian kepustakaan secara online dengan lebih dominan. Sumber-sumber rujukan terdiri daripada karya klasik serta kontemporari seperti buku, artikel atau kenyataan berautoriti melalui laman sesawang. Kitab *Mu'jam al-Buldān* merupakan sumber induk bagi kajian ini dengan memfokuskan kepada bahagian huruf *al-Ṣin* hingga *al-Ṣād* sahaja.

Kajian ini menggunakan kitab *Mu'jam al-Buldān* yang diterbitkan pada tahun 1977 oleh *Dār Ṣādir*, Beirut. Bahagian *al-Ṣin* dan *al-Ṣād* dalam penerbitan ini terdapat dalam jilid 3. Kajian ini hanya mengumpulkan nama-nama lokasi yang dinyatakan oleh *al-Ḥamawī* sebagai terletak dalam lingkungan *al-Hind* sahaja. Kajian ini juga mengukuhkan maklumat sedia ada dengan maklumat daripada rujukan-rujukan lain seperti buku geografi Arab dan catatan pelayar dan pedagang Arab klasik untuk perincian yang lebih komprehensif.

Kemudiannya kajian ini melakukan analisis kandungan (*content analysis*) terhadap data yang telah dikumpulkan. Kajian ini bersifat induktif dengan mengemukakan satu pendekatan untuk mengenal pasti maksud dan lingkungan yang merujuk kepada istilah *al-Hind* menurut masyarakat Arab silam. Sehubungan dengan itu, kajian ini berinisiatif memaparkan pendekatan mengenal pasti kedudukan geografi lokasi-lokasi yang dianggap oleh ilmuwan Arab silam sebagai *al-Hind* berdasarkan peta seterusnya dapat memberi jawapan tentang lingkungan geografi yang dimaksudkan. Lakaran peta yang menunjukkan kedudukan geografi lokasi-lokasi yang dimaksudkan oleh masyarakat Arab silam dipaparkan dalam Peta A.

2.1 Lokasi Dalam Lingkungan *Al-Hind* dalam Bahagian Huruf *Al-Sīn* Hingga *Al-Ṣād* dalam *Mu'Jam Al-Buldān*

Kajian mengenalpasti 10 lokasi yang dikategorikan oleh al-Ḥamawī (1977) terletak dalam lingkungan *al-Hind*. Berdasarkan lokasi yang telah dikumpulkan dan dikenal pasti, berlaku pengulangan nama tempat yang sama. Perkara ini biasanya berlaku disebabkan sesuatu tempat dikenali dengan lebih daripada satu sebutan dalam kalangan orang-orang Arab. Berdasarkan lokasi yang telah dikenalpasti, enam (6) lokasi terletak di Asia Selatan, tiga (3) di Semenanjung Tanah Melayu dan satu (1) di Indo China. Butirannya sebagaimana berikut:

Jadual 1: Senarai nama tempat yang terletak dalam lingkungan *al-Hind* daripada huruf *al-Sīn* hingga *al-Ṣād* dalam *Mu'jam al-Buldān*

Asia Selatan	Semenanjung Tanah Melayu	Indochina
1. <i>Sarandīb</i>	7. <i>al-Sarbuzzah</i>	10. <i>al-Ṣanf</i>
2. <i>Samandūr</i>	8. <i>Sayalān</i>	
3. <i>Sandān</i>	9. <i>Shalāhīt</i>	
4. <i>al-Sind</i>		
5. <i>Sindarūz</i>		
6. <i>Ṣaymūr</i>		

Jadual 1 menunjukkan 10 nama tempat daripada bahagian *al-Sīn* hingga *al-Ṣād* yang dinyatakan oleh al-Ḥamawī (1977) terletak dalam rantau *al-Hind*. Berdasarkan penelitian, sebahagian daripada nama-nama tersebut tidak lagi dikenali pada masa kini, iaitu; *Ṣaymūr*, *al-Ṣanf*, *Sindarūz*, *Shalāhīt*, *al-Sarbuzzah* dan *Sīlān* manakala sebahagian besarnya merupakan nama yang seakan-akan sama dengan nama lokasi yang masih menggunakan nama yang sama hingga sekarang seperti; *Samandur*. Dalam menjelaskan maklumat lanjut tentang 10 nama lokasi tersebut, kajian menggabungkan maklumat yang disebutkan oleh al-Ḥamawī dengan maklumat daripada sumber klasik yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian metodologi kajian.

2.2 Lokasi Dalam Lingkungan Asia Selatan

Asia Selatan terdiri daripada 8 negara yang mana empat negara iaitu Afghanistan, Bangladesh dan Pakistan adalah majoriti Muslim. Manakala empat negara yang lain yang populasinya umat Islam yang sedikit adalah negara Bhutan, India, Nepal dan Sri Lanka (Fulki, 2021). Kajian ini mengenal pasti 7 nama lokasi dalam bahagian *al-Sīn* hingga *al-Ṣād* yang didapati terletak di Asia Selatan. Nama-nama seperti *Samandūr* walaupun dalam sebutan Arab klasik, kedengaran seperti tidak asing pada pengetahuan kebanyakan masyarakat sekarang kerana ia disebut sebagai *Samandū*.

Lokasi pertama yang dikenal pasti oleh masyarakat Arab silam adalah *Sarandīb*. Menurut al-Ḥamawī, sebutan tersebut adalah gabungan dua perkataan yang mana *dīb* bermaksud pulau dalam bahasa Hindu namun sebahagian masyarakat Arab menyebutnya *Sakandīb*. Ia disifatkan sebagai sebuah pulau yang besar, terletak

di kawasan selatan wilayah *al-Hind* dalam kawasan Teluk Benggala yang terletak di antara *al-Hind* dan China (al-Ḥamawī, 1977). Sementara itu, Ibn Khurdādhbih mencatatkan lokasi tersebut di sebelah kiri kapal dalam jalur pelayaran maritim ke negara China. Menurutnya, setelah lokasi tersebut terdapat kawasan bernama *Kalah* (Kedah Tua) yang dikenali oleh sebahagian besar pelayar-pelayar Arab (Ibn Khurdādhbih, 2014). Adapun al-Bakrī menjelaskan antara pulau-pulau terakhir di selatan *al-Hind* adalah *Sarandīb* (al-Bakrī, 1982). Merujuk catatan al-Idrīsī pula, kawasan tersebut terletak di laluan utama pelayaran Arab untuk ke Qamār (al-Idrīsī, 1988).

Berdasarkan maklumat tersebut, kajian ini berpendapat *Sarandīb* yang dimaksudkan oleh figura-figura pelayar Arab klasik merujuk kepada Sri Lanka atau *Ceylon*. Perkara ini dinyatakan juga oleh penyunting catatan pelayaran oleh al-Sīrāfī bahawa *Sarandīb* yang dikenali oleh masyarakat Arab dan Parsi merujuk kepada Sri Lanka (al-Sīrāfī, 1999). Hal ini kerana, lokasi lokasi ini yang terletak di Teluk Benggala dan merupakan salah satu wilayah dalam sub benua India (Jamsheed, 2013). Lokasi ini ditandakan sebagai A1 dalam Peta 1.

Sementara itu, lokasi kedua dikenali oleh masyarakat Arab silam sebagai *Samandūr*. Menurut al-Ḥamawī (1977) ia merupakan sebuah negeri yang terletak di selatan *al-Hind* manakala menurut al-Iṣṭakhrī, bandar kecil ini terletak di timur Sungai Indus sebelum bermula wilayah Multān kerana Sungai Indus merentasi kawasan Samandūr terlebih dahulu. Berdasarkan informasi tersebut, bandar yang dimaksudkan masih dikenali sebagai Samundar pada masa kini iaitu sebuah bandar yang terletak di timur sungai Indus di Afghanistan sebelum aliran sungai mengalir ke arah selatan melalui wilayah Multan dan berakhir di Debal yang terletak di lembah sungai utama tersebut. Pada masa kini, kawasan ini dikenali juga sebagai Samandar (Jeyaseela, 2008). Lokasi ini ditandakan kod A2 pada Peta 1.

Lokasi seterusnya adalah *Sandān* yang mana menurut al-Ḥamawī (1977) ia adalah sebuah bandar yang terletak di sempadan antara *al-Hind* dan *al-Sind*. Jarak bandar tersebut dengan *al-Daybul* dan *Manṣūrah* sekitar sepuluh marhalah dan kedudukan geografinya di pesisir laut serta jarak antara bandar tersebut dan *Ṣaymūr* adalah lima belas marhalah. Menurut al-Ḥīmīyārī (1980), bandar tersebut dikunjungi para pedagang Arab dan jarak bandar tersebut dengan laut hanya sekitar satu kilometer sahaja. Berdasarkan maklumat tersebut, dapat dipastikan lokasi tersebut merujuk kepada kota pelabuhan *Sindhudurg* yang terletak dalam wilayah Konkan, India. Ia merupakan sebuah pelabuhan bersejarah yang popular dalam kalangan pedagang Arab (Gopal, 1989). Menurut Dey (1927), pelabuhan ini pernah dikenali sebagai *Sanjaya*, *Sahanjana* atau *Sindan* yang juga disebut sebagai *Shahpur*.

Lokasi seterusnya amat dikenali oleh masyarakat Arab silam yang menunjukkan hubungan yang erat bangsa Arab dengan negara luar iaitu *al-Sind*. Menurut al-Ḥamawī, lokasi ini merupakan sebuah negara yang terletak di antara *al-Hind* dengan *Sijistān*. Sempadan negara ini amat dekat dengan *al-Hind* sehingga disebut lingkungan negara yang sama. Antara kota atau pelabuhan popular yang terdapat di negara tersebut adalah *al-Manṣūrah* dan *al-Daybul* yang terletak berdekatan dengan Laut Hindi. Hasil analisis menunjukkan, *al-Manṣūrah* merujuk kepada sebuah kota yang terletak di selatan Pakistan yang kini dikenali sebagai *Brahmanabad/Brahminabad* di Pakistan (*Sindh Tourism Development Corporation*, 2021) atau dikenali juga pada masa kini sebagai *Mansura*. Manakala *al-Daybul*

adalah merujuk kepada pada masa kini pelabuhan ini dikenali sebagai Debal atau Dewal adalah pelabuhan kuno yang terletak di bandar Karachi, Pakistan. Lokasi ini merupakan sebuah pelabuhan yang terletak di delta Sungai Indus dalam kawasan membentuk segi tiga di lembah sungai di barat, Pakistan (Alexander, 1871). Oleh yang demikian, dapat dipastikan lokasi tersebut merujuk kepada negara Pakistan pada masa kini yang merupakan negara jiran bagi negara India dan bersempadanan.

Lokasi seterusnya dikenali oleh masyarakat Arab sebagai *al-Sindarudh*. Menurut al-Ḥamawī, lokasi ini merujuk kepada sebuah sungai yang mengalir dari arah utara *Multān* dan bersambung dengan Sungai *Mahrān* atau kini dikenali sebagai Sungai Indus. Ia merupakan sungai terbesar terbesar di Pakistan. Sungai ini termasuk sungai yang memiliki sejarah peradaban penempatan manusia terbesar setelah Tamadun Mesopotamia dan Mesir (Pruthi, 2004). Sungai ini bercantum di kawasan Multan yang menjadi punca pengaliran sungai ke Laut Arab melalui lembah Sungai Indus. Hasil analisis pula, penulis tidak dapat menemukan lokasi secara spesifik bagi kedudukan sungai ini namun dapat dipastikan terletak di kawasan *Multan* iaitu sebuah kota cantik di Selatan Pakistan.

Akhir sekali lokasi yang telah dikenal pasti adalah *Ṣaymūr*. Menurut al-Ḥamawī (1977), kawasan tersebut terletak di *al-Hind* namun bersempadan dengan *al-Sind* dan berdekatan dengan *al-Daybul*. Kawasan tersebut diperintah oleh Kerajaan *Bahilra* dan majoriti penduduknya beragama Islam serta terdapat sebuah masjid besar yang menjadi tempat pertemuan orang Islam. Menurut al-Bakrī (1982), wilayah ini terletak di tepi laut. Hasil penelitian terhadap catatan sejarah kuno tentang Kota Chaul, India sememangnya merekodkan ia adalah kota purba yang terletak di pesisir pantai barat India yang berperanan sebagai pelabuhan maritim di bawah taklukan Kerajaan Abhira atau *Bahilra* menurut sebutan orang-orang Arab (Dey, 1927).

2.3 Lokasi Dalam Kategori Tanah Melayu

Tanah Melayu termasuk dalam lingkungan budaya dan geografi Nusantara. Mar dan Trang memberi pencerahan bahawa Tanah Melayu sebenarnya bermula dari Tennaserim (Tanah Seri) di utaranya melalui Tanah Segenting Kra hingga ke Pulau Singapura di selatannya. (Mar & Trang, 2020). Berdasarkan Jadual 1, terdapat 3 nama lokasi terletak di Tanah Melayu iaitu *Sarbuzzah*, *Silān* dan *Shalāhīt*.

Hasil penelitian menunjukkan, al-Ḥamawī (1977) mencatatkan tentang *Sarbuzzah* ketika menjelaskan tentang garisan Khatulistiwa yang bermula dari timur Laut China merentasi *Sarbuzzah* di *al-Hind* dan juga ketika memperkenalkan kawasan tersebut sebagai lokasi taburan pokok kapur barus. Manakala Ibn Sa'īd al-Maghribī (1980) menggambarkan lokasi ini adalah kawasan daratan yang luas memanjang dari utara hingga ke selatan yang terletak di bawah naungan Kerajaan *al-Jābah*. Kapal-kapal dagang dapat berlabuh di pesisir pantainya dengan melalui sungai-sungai (Abdul Rahman, 2000). Berdasarkan ciri-ciri tersebut, dapat dipastikan ciri-ciri tersebut merujuk kepada pusat pemerintahan Kerajaan Srivijaya iaitu Palembang yang terletak di Sumatera Selatan, Indonesia. Hal ini kerana, Kerajaan Srivijaya disebut dalam teks China sebagai *shih-li-fo-shih*, *San-fo-ch'i* atau dalam transliterasi Arab sebagai *Sharbazah* atau *Sribuza*. Ia merupakan kerajaan yang banyak disebut dalam sumber-sumber klasik bangsa asing

termasuklah bahasa Arab (Hadi, 1928). Hubungan orang-orang Arab dan Parsi dengan kerajaan-kerajaan di Alam Melayu terutama melibatkan permukiman orang-orang Islam menunjukkan mereka mengetahui dan mengenali lokasi-lokasi serta pelabuhan-pelabuhan di Kepulauan Malaya-Indonesia. Kenyataan terawal tentang kehadiran kapal-kapal orang Arab dan Parsi ke Kepulauan Melayu disebutkan oleh rahib Cina, I-Tsing ketika mengunjungi Srivijaya pada tahun 671M (I-Tsing, t.t). Merujuk salinan semula catatan rahib Cina tersebut, kapal-kapal Arab dan Parsi belayar dari Canton dan berlabuh di *Bhoga* atau *Sribhoga* serta juga sebagai *Sribuza* yang merupakan sebuah kota yang memainkan peranan sebagai pusat agama Buddha bagi Kerajaan Srivijaya. Manakala sungai yang menjadi kawasan pelabuhan kapal-kapal dagang di Palembang adalah Sungai Musi yang terkenal dalam kalangan pedagang Arab kerana merupakan sungai terpanjang, lebar dan membelah Palembang menjadi dua bahagian (I-Tsing, T.t.).

Manakala lokasi lain yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu adalah *al-Shalāhiṭ*. Menurut al-Ḥamawī (1977), kawasan ini merupakan sebuah lautan yang terletak setelah *Baḥr Harkand* (Teluk Benggala) di bahagian Timur. Menurutnya, *Sayalān* adalah sebuah kawasan daratan yang amat luas juga terletak di laut yang sama. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, dapat dipastikan *Sayalān* adalah Pulau Sumatera yang merupakan pulau terbesar dan terpanjang yang terletak setelah Teluk Benggala. Manakala Laut *Shalāhiṭ* merujuk kepada Selat Melaka yang terletak setelah Teluk Benggala di arah timur yang merupakan laut bagi Aceh (*al-Rāmī*) dan juga Pulau Sumatera. Hal ini kerana, al-Ḥamawī menggambarkan kedua-dua lokasi tersebut terletak di kawasan laut yang sama. Perkara bertepatan dengan sebutan *Shalāhiṭ* oleh pedagang-pedagang Arab yang bermaksud selat yang mana amat mirip penyebutannya dengan selat sebagaimana yang disebut oleh orang Melayu (Meglio, 1970). Oleh itu, tidak hairanlah apabila al-Ḥamawī dan ahli geografi Arab yang lain menyatakan Aceh terletak di laut tersebut dan merupakan kawasan yang terawal ditemui melalui jalur perdagangan maritim melalui Selat Melaka setelah melewati Teluk Benggala.

2.4 Lokasi Dalam Kategori Indo China

Indo China ialah bahagian geografi yang meliputi Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam (Japan International Corporation Agency, 2011). Lokasi dalam lingkungan ini yang dikenali pasti adalah *al-Ṣanf*.

Menurut al-Ḥamawī (1977), *al-Ṣanf* adalah nama bagi sebuah kerajaan yang terletak di *al-Hind* dan terkenal dalam kalangan masyarakat Arab kerana kaya dengan sejenis komoditi perdagangan dunia yang berharga pada suatu ketika dahulu iaitu *al-ʿūd al-Ṣanfī* (gaharu *al-Ṣanf*). Ia merupakan gaharu yang bermutu tinggi dan amat digemari oleh orang Arab. Sementara itu, al-Sīrāfī (1999), al-Bakrī (1983) dan al-Yaʿqūbī (1422H) menyifatkan *al-Ṣanf* adalah sebuah wilayah yang terletak berhampiran dengan China dan merupakan lokasi terakhir yang ditemukan sebelum sampai ke negeri tersebut. Manakala al-Ḥimyarī (1980) dan al-Sīrāfī (1999) mencatatkan bahawa *al-Ṣanf* mempunyai kawasan laut yang dikenali *Baḥr al-Ṣanf* yang mana kedudukannya setelah *Baḥr al-Ṣīn* (Laut China). Adapun Ibn Saʿd al-Maghribī menyatakan kedudukan geografi di selatan China dan di barat pula terletak Kerajaan *Qamār* (Ibn Saʿīd al-Maghribī, 1980).

Berdasarkan maklumat-maklumat tersebut, dapat dibuktikan bahawa *al-Ṣanf* menepati ciri-ciri sebuah kerajaan tua di Alam Melayu yang dikenali sebagai Kerajaan Champa dan lautnya dikenali sebagai Laut Champa (Zaharah, 2016). Kawasan tersebut terletak sebelum China dan dari arah laut kawasan tersebut terletak di kawasan tepi pantai memandangkan para pelayar Arab menemukannya melalui jalur maritim dengan melalui laut bagi kawasan tersebut iaitu Laut Champa. Merujuk maklumat sejarah, Kerajaan Champa dicatatkan dalam teks klasik Cina sebagai *Lin-yi* iaitu sebuah kerajaan yang wujud seawal abad ke-2M lagi malah sebuah catatan Cina yang lain menyatakan dengan tepat tarikh kelahiran kerajaan tersebut iaitu sekitar tahun 192M. Ia merupakan kerajaan yang didirikan oleh rumpun bangsa Melayu dan agama Islam mula masuk sejak abad ke-7M dan ke-8M melalui para pedagang Arab (Abdul Rahman, 2000). Menurut pengkaji barat, Angela Schoottenhammer mencatatkan Champa terkenal kerana hasil hutannya iaitu kayu aromatik atau gaharu Champa yang mendapat permintaan tinggi daripada pedagang-pedagang Cina (Angela, 2006). Gaharu tersebut dikenali sebagai *eaglewood* dan merupakan komoditi pertukaran dalam perdagangan (*barter trade*). Pedagang terawal berbangsa Arab, Sulayman al-Tājir (m.237H) amat kagum dan meminati aroma wangian tersebut (Andrew, 2009). Perkara inilah yang disebutkan oleh catatan klasik Arab tentang faktor tarikan Kerajaan Champa. Jika diperhatikan, sebutan *al-Ṣanf* oleh orang Arab amat mirip dengan sebutan masyarakat Melayu iaitu Champa yang mana konsonan C dibaca dengan abjad Arab iaitu *ṣād* manakala konsonan P disebut dengan abjad *fā'*.

3.0 PAPARAN LOKASI DALAM LINGKUNGAN AL-HIND

Kajian ini telah mengenal pasti kedudukan geografi bagi lokasi-lokasi yang telah dikaitkan dengan istilah *al-Hind* oleh bangsa Arab silam berdasarkan beberapa elemen yang saling melengkapi iaitu ciri-ciri, nama dan sebutan, maklumat sejarah, bentuk demografi lokasi, kedudukan geografi, sumber mineral tempatan dan beberapa aspek penting yang lain. Lokasi-lokasi berkenaan dapat dibahagikan mengikut pembahagian kawasan geografi; Asia Selatan, Tanah Melayu dan Indo China. Namun berkaitan *Sandārudh*, matlumat amat ringkas kerana hanya mendapati ia terletak dalam lingkungan Multan, Pakistan justeru tidak dapat menentukan lokasinya dengan spesifik berdasarkan peta. Oleh yang demikian, kawasan tersebut dikira termasuk dalam lingkungan Asia Selatan. Setiap nama lokasi disebutkan dalam senarai disertai kod bagi memudahkan pengecaman kedudukannya dalam Peta 1 yang dilakarkan. Butirannya sebagaimana berikut:

Asia Selatan;
1. <i>Sarandīb</i> - sebuah pulau- A1
2. <i>Samandūr</i> - sebuah kawasan -A2
3. <i>Sandān</i> - sebuah bandr- A3
4. <i>al-Sind</i> – sebuah negara A4
5. <i>al-Sandarudh</i> – sungai- A5
6. <i>Ṣaymūr</i> – sebuah kota pelabuhan- A6

Semenanjung Tanah Melayu;


1. *Sarbuzzah* – sebuah kawasan pemerintahan kerajaan- S1
2. *Sayalān*- kawasan lautan- S2
3. *al-Shalāhiṭ* - sebuah kawasan pulau atau daratan panjang - S3

Indonesia;

1. *al-Ṣanf*- sebuah kerajaan- IC

Berdasarkan butiran tersebut, maklumat menunjukkan sifat lokasi adalah berbeza dan terdiri daripada; kerajaan, wilayah, bandar, sungai, dan penempatan yang tidak dapat dijelaskan statusnya. Bagi memaparkan *al-Hind* yang diliputi oleh lokasi-lokasi yang ditandakan dalam kod sebagaimana yang dinyatakan, Peta 1 dilakarkan untuk memberikan gambaran dengan jelas.

Peta 1: Taburan geografi bagi lokasi *al-Hind* daripada bahagian *al-Ṣīn* hingga *al-Ṣād*, *Mu'jam al-Buldān*; yang meliputi Asia Selatan, Tanah Melayu dan Indo China.



Berdasarkan paparan Peta 1, dapat dikenal pasti taburan lokasi-lokasi *al-Hind* daripada bahagian huruf *al-Ṣīn* hingga *al-Ṣād* daripada *Mu'jam al-Buldān* yang kebanyakannya bertumpu di Asia Selatan dengan jumlah 7 lokasi. Selain daripada itu, bagi Semenanjung Tanah Melayu terdapat 3 lokasi yang ditandakan dengan kod S sementara bagi Indo China terdapat 1 lokasi sahaja iaitu merujuk kepada Champa dengan kod bertanda IC1. Maklumat yang dapat difahami daripada analisa maklumat sampel dan paparan Peta 1 bahawa istilah *al-Hind* menurut masyarakat Arab silam tidak semestinya bermaksud Subbenua India namun lingkungan Tanah Melayu dan Indo China juga termasuk dalam rantau *al-Hind* atau India.

4.0 KESIMPULAN

Kitab *Mu'jām al-Buldān* yang dihasilkan oleh *Yāqūt al-Ḥamawī* merupakan khazanah ilmu geografi yang sangat berharga. Kajian ini hanya menyorot satu juzuk sahaja daripada karya ilmiah tersebut, berupa sampel daripada bahagian *al-Sīn* hingga *al-Ṣād*. Berdasarkan pengumpulan maklumat tentang lokasi-lokasi yang dikategorikan oleh al-Ḥamawī serta ilmuwan-ilmuwan silam yang lain sebagai terletak di *al-Hind*, kajian ini dapat mengenal pasti 10 lokasi. Menariknya, tidak semua lokasi tersebut terletak di Subbenua India namun melibatkan lingkungan Asia Tenggara iaitu Semenanjung Tanah Melayu dan Indochina.

Oleh yang demikian, taburan geografi lokasi-lokasi tersebut memberi kefahaman awal bahawa istilah *al-Hind* menurut masyarakat Arab silam bukan hanya bermaksud Subbenua India. Ternyata Srivijaya, Pulau Sumatera dan Selat Melaka yang terletak di Asia Tenggara juga dikira sebagai rantau India atau *al-Hind*. Sebenarnya apa yang dipaparkan pada peta ini daripada skop kajian yang terhad, justeru hanya memberi gambaran kasar sahaja. Bagi mendapatkan gambaran yang holistik tentang rantau India, seorang pengkaji perlu memaparkan semua lokasi yang dikategorikan berada di *al-Hind* dalam *Mu'jām al-Buldān*. Sehubungan daripada pencerahan tentang maksud *al-Hind*, kajian ini memberi saranan tentang cara memahami teks Arab klasik berkaitan India atau dinisbahkan kepada India. Seharusnya diselidiki dahulu asal-usul maksud *al-Hind* dalam sesuatu teks, justeru dapat ditentukan sesuatu peristiwa atau karakter adalah berkaitan dengan lokasi yang spesifik dalam rantau India mengikut identifikasi geografi masyarakat Arab silam.

Sumbangan Pengarang

Mohamad, R. dan Ahmad, T., memastikan penulisan dari segi pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Abdul Rahman, A. (2000). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Abū Dulaf al-Khazrajī, M. M. (2013). *Riḥlat Abī Dulaf*. Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiyah.

al-Andalusī, 'A. M. S. (2013). *Kitāb al-Jughrāfiyā*. Beirut: Dār al-Kotob Al-ilmiyyah.

al-Azharī, M. 'A. (2001). *Tahdhīb al-lughah*. t.t.p: Dār 'Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

- al-Bakrī, 'A. 'A. (2003). *al-Masālik wa al-Mamālik*. Ed. J. Ṭulbah. Beirut: Dār al-Kotob Al-ilmiyyah.
- al-Dhahabi, M. 'A. (2006). *Siyar 'A'lām al-nubalā'*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Alexander, C. (1871). *The Ancient Geography of India*. London: Trubner and Co.
- al-Ḥamawī, Y. 'A. (1995). *Mu'jam al-Buldān*. Beirut: Dār Ṣādir.
- al-Ḥimyarī, M. 'A. (1980). *al-Rawḍ al-Mu'tār fī Khabr al-Aqtār*, ed. Iḥṣān 'Abbās (Beirut: Mu'assasah Nāṣir li al-Thaqāfah).
- al-Jāhiz, 'A. B. M. (1999). *Kitāb al-bukhalā'*. Beirut: Dār wa Maktabat al-Hilāl.
- al-Sirāfī, Ḥ. Y. (1999). *Rihlat al-Sīrāfī*. Abu Dhabi: al-Majma' al-Thaqāfī.
- al-Ya'qūbī, A. I. (1422H) *al-Buldān*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amānī, K. M. (2013). Alāqāt al-Hind bi Junūb al-Jazīrah al-'Arabiyyah min al-Qarn al-Awwāl ilā al-Thālith al-Mīlād," *Majallat al-Mu'arrikh al-'Arabī*, 21(21), 41-95.
- Andrew, H. (2009). *Eaglewood and the Economic history of Champa and Central Vietnam*" dalam *Champa and the Archaeology of My Son Vietnam*. Singapura: NUS Press.
- Angela, S. & Roderick., P. (2018). *The Perception of Maritime Space in Traditional Sources*" dalam *East Asian Maritime History 2*. Wiesbaden: Harrassowitz Verlag.
- R. D. Meglio. (1970). "Arab trade with Indonesia and the Malay Peninsula from 8th to the 16th Century" dalam *Islam and the trade of Asian a Collogium*, ed. Richards, D.S (Pennsylvania: University of Pennsylvania Press, 1970), 105-135.
- Hadi, H. (1928). *A History of Persian Navigation*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Ibn al- Athīr al-Jazarī, M. M. 'A. (1987). *al-Kāmil fī al-tārīkh*. Beirut: Dār al-Kotob Al-ilmiyyah.
- Ibn al-Faqīh al-Hamdānī, 'A. M. 'I. (1996). *Kitāb al-Buldān*. Beirut: 'Ālam al-Kutub.
- Ibn Khurdādhbih, 'U. 'A. (2014). *al-Masālik wa al-mamālik*. Ḥ. Wuld al-Sālim. (Ed.). Beirut: Dār al-Kotob Al-ilmiyyah.
- Japan International Corporation Agency. (2011). *Indochina*. Hlmn. 54. URL: <https://www.jica.go.jp/english/publications/reports/annual/2001/pdf/200105.pdf> . Dicapai pada 13 Julai 2023.
- Lallanji, G. (1989). *The Economic Life of Northern India*. Delhi: Motilal Banarsidass Plublishers.
- Mar, M. T. C. & Trang, P. H. (2020). Malay minorities in The Tenasserim coast. *ASEAN Journal of community engagement*. 4(1). doi: <https://doi.org/10.7454/ajce.v4i1.1069>. Dicapai pada 12 Julai 2022.
- Nundo, L. D. (1927). *The Geographical Dictionary of Ancient and Mediaeval India* (London: Luzac & Co.
- R.K, Pruthi, (2004). *Indus Civilization*, New Delhi: Arora Offset Press.
- S, Jeyaseela S. (2008). *The Indian Trade at The Asian Frontier*, New Delhi: Gyan Publishing House.
- Yūsūf, N. M. (2020). al-'Alāqāt al-'Alamiyyah bayn al-Hind wa al-Sind wa al-Banjāb wa bilād al-Ḥijāz fī al-'Aṣr al-Mamlūkī," *Majallat Buhūth Kulīyyah al-Ādab* 31, no. 123, 1-25.

- Zaharah, S., Wan Hashim W.T & Nik Hassan Suhaimi N. A. R. (2016). *Asal usul Melayu: Induknya di Benua Sunda*. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fulki Ainur Rafi, *Kultur Muslim Minoritas di Asia Selatan*. (2021). t.tp: Blurb Publisher, 1-2.
- Ibn Khalikān, Ahmad ibn Muhammad, *Wafayat al-‘Ayān wa Anba’ Abnā’ al-Zaman*. Ed. Iḥsān ‘Abbas. Beirut: Dār Ṣādir, 1900.
- Krachkovski, *Tārīkh al-Adab al-Ju’rafi al-‘Arabī*. Terj. Ṣālāḥ al-Dīn ‘Utmān. t.tp: Jami’at al-Dawl al-‘Arabiyyah, t.t.